

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Kesusasteraan Cina 9216/1 mengandungi tiga bahagian :

- Bahagian I Bahagian ini mengandungi dua ceraiian iaitu A dan B. Calon dikehendaki menjawab dua daripada empat soalan dalam ceraiian A. Empat daripada enam soalan dalam ceraiian B.
- Bahagian II Bahagian ini mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.
- Bahagian III Bahagian ini mengandungi empat soalan. Calon dikehendaki menjawab dua soalan.

Keseluruhannya calon dikehendaki menjawab 10 soalan.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi calon bagi kertas ini adalah memuaskan. Terdapat sebilangan calon memberikan jawapan yang tepat dan padat. Jawapan daripada calon dalam kumpulan sederhana dan rendah perlu diperbaiki lagi. Kualiti jawapan kurang memuaskan. Kelemahan calon daripada kumpulan ini mungkin adalah kerana pembacaan mereka yang kurang teliti dan luas.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan yang diberi oleh kumpulan ini adalah agak baik. Calon boleh fokus kepada kehendak soalan dan penyampiannya jelas dan isi kandungannya juga padat.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Kumpulan ini memberikan jawapan yang memuaskan. Namun demikian masih terdapat kekurangan daripada isi kandungan kehendak soalan. Ada juga calon yang tersalah tafsir terhadap kehendak soalan, iaitu contohnya bagi konsep dan matlamat, calon memberikan isi kandungan bagi teks yang berkenaan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan yang dikemukakan adalah terlalu ringkas. Ada calon menyalin semula soalan sahaja tanpa menjawab. Mereka tidak menjawab mengikut kehendak soalan. Kumpulan ini berkemungkinan kurang didedahkan dengan teknik menjawab soalan yang betul.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian I (A)

Soalan 1

Calon yang cemerlang dapat menterjemahkan dengan tepat dan jelas. Tetapi ada ramai calon yang salah tafsir terhadap perkataan tertentu. Contohnya

- i. “遣”, “将卒” tidak diterjemahkan dengan betul.
- ii. “当阳君蒲”, “陈余” adalah nama orang, tetapi telah diterjemahkan ikut maksud perkataan tersebut.
- iii. “战少利” tidak dapat diterjemahkan dengan tepat.

Soalan 2

Secara keseluruhan, calon dapat menjawab dengan baik. Calon dapat memahami kehendak soalan yang hendak diterjemahkan. Namun begitu, ada calon menterjemahkan nama orang kepada maksud tertentu menyebabkan salah tafsir terhadap ayat tersebut. Contoh: “远” adalah watak “许远” telah ditafsirkan sebagai “jauh”.

Soalan 3

Soalan ini agak susah bagi calon kumpulan sederhana dan rendah. Mereka kurang faham akan soalan yang berjenis puisi ini. Terutama ayat tidak dapat diterjemahkan dengan baik. Contoh : Ayat “骤雨初歇” “暮霭沉沉除天阔” tidak diterjemahkan dengan baik.

Soalan 4

Calon yang cemerlang dapat memberikan huraian yang tepat dan jelas. Ada sebahagian kecil calon yang kurang jelas dengan ayat “谁知吾卒先汝而死乎?”. Terjemahan yang diberikan pula secara songsang.

Bahagian I (B)

Soalan 5

Calon dapat menjawab dengan jelas dan tepat.

Soalan 6

Calon dapat menjawab dengan baik. Tetapi bagi calon yang sederhana terdapat juga isi yang tertentu tidak diberikan. Ada juga yang memberikan isi yang kurang sempurna.

Soalan 7

Calon yang cemerlang boleh menjawab dengan baik dan jelas. Tetapi bagi calon sederhana dan rendah tidak dapat menghuraikan isi kandungan dengan tepat. Calon hanya menghafal tanpa memikirkan kehendak soalan.

Soalan ini memerlukan calon memberikan contoh yang dapat menunjukkan watak Hua Mu Ran sebagai wira dalam masyarakat, tetapi calon sebaliknya menyatakan sebab Hua Mu

Ran sebagai pengganti kepada ayahnya untuk menyertai pasukan askar semasa perang berlaku.

Soalan 8

Soalan ini agak senang bagi calon. Kebanyakan calon boleh berikan contoh yang baik.

Soalan 9

Kebanyakan calon tidak dapat mengenalpasti kehendak soalan. Jawapan yang diberikan kebanyakannya berbentuk cerita isi kandungan atau umum sahaja.

Soalan 10

Calon yang menjawab soalan ini kecil bilangannya. Bagi calon yang cemerlang mereka dapat berikan huraian yang jelas dan tepat. Tetapi bagi kumpulan sederhana dan rendah jawapan mereka adalah kurang memuaskan. Penjelasan yang mereka berikan adalah gaya bahasa yang kurang tepat.

Bahagian II

Soalan 11

Calon boleh menjawab soalan ini. Terdapat sebilangan kecil yang tidak memberikan kesemua ciri yang berkaitan untuk menunjukkan kehidupan penduduk Hu Lan He yang sebenar.

Soalan 12

Calon dapat menjawab soalan ini. Terdapat juga kekurangan calon iaitu huraian tidak begitu tepat dan kekurangan ciri-ciri yang tertentu.

Soalan 13

Calon boleh menjawab soalan ini. Tetapi terdapat juga calon yang terpesong kepada ciri di mana watak "Tuan Yuan Xi Fu" jatuh sakit dan bagaimana ia telah diubati dengan cara yang mengakibatkan kematiannya. Kehendak soalan adalah bagaimana mak mertua "Tuan Yuan" mengajar dia untuk menjadi seorang menantu yang berdedikasi.

Soalan 14

Calon yang cemerlang boleh memberikan penyampaian yang baik. Tetapi soalan jenis bandingan ini bagi calon yang sederhana dan rendah adalah agak susah. Mereka tidak dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Apa yang diberikan hanya ceritakan sahaja.

Bahagian III

Soalan 15

Soalan ini agak senang bagi calon. Kebanyakan calon dapat memberikan contoh yang munasabah.

Soalan 16

Calon boleh menjawab soalan ini. Bagaimanapun masih terdapat calon yang tidak dapat memberikan kesemua ciri yang berkaitan.

Soalan 17

Penyampaian soalan adalah memuaskan. Kebanyakan jawapan yang diberikan adalah menepati kepada kehendak soalan.

Soalan 18

Soalan ini boleh dijawab dengan tepat dan padat. Penyampaian calon adalah jelas. Namun begitu bilangan calon yang menjawab soalan ini tidak ramai.

SARANAN KEPADA CALON

1. Sediakan nota ringkas bagi setiap topik.
2. Buat nota secara peta minda.
3. Perteingkatkan pemahaman teks secara teliti , contohnya perkembangan plot cerita dan isi kandungannya.
4. Penekanan kepada “Yu Lian Wen Xuan” harus diberi kerana ia dapat mempertingkatkan prestasi calon.
5. Teliti dan fahami kehendak soalan dengan baik.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu menggalakkan calon membaca dengan lebih meluas.
2. Beri penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pemahaman konsep dalam semua tajuk yang diajar.
3. Perbanyakkan latihan menjawab soalan terutamanya panduan mengenai teknik menjawab soalan peperiksaan.
4. Mengadakan perbincangan berdasarkan ciri-ciri, tingkah laku watak tertentu dalam novel supaya calon dapat pemahaman yang lebih jelas.
5. Sentiasa memberikan aktiviti soal jawab antara guru dengan calon demi membolehkan calon betul-betul memahami isi kandungan atau kehendak soalan.